

Pas angkuh enggan akui Dr M pemikir Islam

Oleh Rohaniza Idris

BA 24/6/03

KUALA LUMPUR: Sikap pemimpin Pas yang angkuh dan tidak mahu mengakui kesilapan menyebabkan mereka tidak mahu mengiktiraf Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebagai pemikir Islam.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Mustapa Mohamed, berkata Pas tidak mahu mengakui Dr Mahathir kerana mereka menganggap hanya diri mereka saja yang layak bercakap mengenai Islam kerana mereka fasih berbahasa Arab.

Katanya, Pas mendakwa mereka saja yang belajar agama, maka mereka saja yang boleh bercakap mengenai agama Islam.

"Mereka mungkin fasih berbahasa Arab tetapi tidak bermakna mereka lebih pandai daripada Dr Mahathir mengenai Islam. Dunia pun tahu yang Dr Mahathir tahu banyak perkara mengenai Islam dan tidak siapa yang boleh pertikaikan kewibawaannya," katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan sambutan 50 tahun American Home Assurance Company Malaysia di sini, semalam.

Beliau berkata demikian mengulas kenyataan Pemangku Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang yang mendakwa Dr Mahathir tidak mempunyai kelayakan untuk bercakap mengenai Islam kerana beliau bukan ahli dalam bidang berkenaan.

Semalam, Abdul Hadi dilaporkan berkata beliau mengakui Dr Mahathir berjaya melakukan reformasi dalam pemerintahan kerajaan Barisan Nasional (BN) termasuk membuka lebih ruang kepada orang Me-

layu dalam bidang ekonomi.

Bagaimanapun, beliau mendakwa Dr Mahathir bukan seorang yang mengaji Islam, bukan seorang yang ahli dalam ilmu Islam, maka tidak layak bercakap mengenai Islam.

Mustapa yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, berkata beliau memang sudah menjangka Pas akan membuat kenyataan sedemikian kerana sikap degil dan angkuh pemimpin parti pembangkang itu.

"Ini satu komen yang memang kita jangka. Walaupun dunia mengiktiraf ketokohan dan kepimpinan Dr Mahathir dalam pelbagai bidang termasuk agama Islam, mereka (Pas) ini tidak akan berbuat demikian.

"Perkara ini jelas melambangkan sikap angkuh mereka yang tidak mahu mengaku salah dan kalah. Sikap mereka ini menyebabkan rakyat mula menilai mereka (Pas) dan akan menghukum mereka," katanya.

Sementara itu, ketika diminta mengulas kenyataan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Aziz Nik Mat yang menganggap isi ucapan pengulangan Dr Mahathir pada perhimpunan agung Umno kelmarin yang menyentuh Pas sebagai isu lama, Mustapa berkata:

"Dr Mahathir terpaksa mengulangi banyak kali isu mengenai Pas kerana mahu menjelaskan kepada rakyat mengenai keangkuhan dan kecurangan Pas. Lagipun isu yang dibawa Dr Mahathir itu masih relevan.

"Kita akan bawa keluar isu ini selagi pemimpin Pas tidak minta maaf, lagi pun kita tidak mahu rakyat tertipu dengan dakwaan yang kononnya mereka adalah parti Islam dan mendakwa Umno kafir," katanya.